

**TEKS UCAPAN**  
**BRIG. JEN. DATO' PROF. DR. KAMARUDIN HUSSIN,**  
**NAIB CANSELOR UNIVERSITI MALAYSIA PERLIS (UniMAP)**  
**SEMPENA PROGRAM SENAM RIA**  
**BERSAMA NAIB CANSELOR UniMAP SEMPENA MINGGU**  
**SUAIKENAL (Diploma) SIDANG AKADEMIK 2013/14,**  
**6 JUN 2013 DIBACAKAN YANG BERBAHAGIA PROF. DATO' DR.**  
**ZUL AZHAR ZAHID JAMAL, TIMBALAN NAIB CANSELOR**  
**(AKADEMIK DAN ANTARABANGSA) UniMAP**

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan Salam Satu Malaysia

**SALUTASI**

Yang Berbahagia Prof. Madya Dr. Mohd Fo'ad Sakdan, Timbalan Naib Canselor  
(Hal Ehwal Pelajar & Alumni) UniMAP,

Yang Berusaha Encik Zuber Bin Haji Mohamad, Timbalan Pendaftar UniMAP,

Yang Berusaha Puan Saodah Hassan, Bendahari UniMAP,

Yang Berusaha Puan Mazmin Mat Akhir, Pemangku Pustakawan UniMAP,

Yang Berusaha Penolong-Penolong Naib Canselor UniMAP,  
Dekan-dekan dan Ketua-ketua Jabatan,

Barisan Urusetia Minggu Suaikenal Serta Pembantu-Pembantu Pelajar Minggu  
Suaikenal,

Yang dikasihi pelajar-pelajar baru Universiti Malaysia Perlis bagi sidang akademik 2013/2014 serta semua warga UniMAP

### **KATA-KATA ALUAN**

1. Assalamualaikum Warahmatullahi Taala Wabarakatuh Dan Salam Sejahtera. Selamat Pagi, Good Morning, Kalai Vannakam, Zao Shang Hao. "Raja Ditaati, Rakyat Dirahmati, Negeri Disanjung".
2. Alhamdulillah, marilah kita menadah tangan mengucap syukur kehadiran Allah S.W.T kerana dengan keizinanNya, membolehkan kita untuk bersama-sama berkumpul pada pagi yang berbahagia ini dalam Program Senam Ria Bersama Naib Canselor UniMAP Sempena Minggu Suaikenal Diploma Sidang Akademik 2013/14.

Anak didik yang saya kasihi sekalian,

### **PROGRAM SENAMROBIK**

3. Untuk pengetahuan para pelajar sekalian, UniMAP mempunyai corak dan kaedah tersendiri dalam usaha mendekati diri dengan pelajar-pelajar dan salah satu daripadanya ialah daripada aktiviti riadah dan senamrobik seperti ini.
4. Mungkin ada diantara anda ada yang tertanya-tanya mengapakah Program Senam Ria Bersama Naib Canselor UniMAP ini diadakan?. Untuk pengetahuan semua, program senamrobik ini merupakan salah satu platform bagi semua warga UniMAP berkumpul sebagai satu

keluarga dan sama-sama melakukan pergerakan-pergerakan yang bukan sahaja membantu menyegarkan badan tetapi pada masa sama menyumbang kepada kecergasan minda.

5. Program senamrobik seperti ini juga dijadikan sebagai program perhimpunan mingguan untuk semua staf bagi mendengar amanat dari Naib Canselor serta berkongsi maklumat mengenai kejayaan dan pelbagai perkara yang berlaku di UniMAP. Ini adalah salah satu cara bagi warga UniMAP mengeratkan hubungan silaturrahim.

### **PERPADUAN**

6. Untuk pengetahuan semua, UniMAP dikenali sebagai “Juara Perpaduan”, di sini tiada tempat bagi mereka yang mengamalkan sikap perkauman.
7. Perpaduan amat penting dalam memastikan keharmonian dan kemakmuran negara terus kekal dikecapi oleh kita semua. Malaysia memiliki 3 kaum terbesar yakni Melayu, Cina dan India serta 214 suku kaum dan etnik yang lain lagi, sudah pasti jalinan kerjasama dan persefahaman di antara kaum ditagih dalam memastikan pelaksanaan proses pembangunan negara dapat berjalan dengan lancar.
8. Apabila kita bersatu, segala masalah akan dapat diatasi dan sebagai juara perpaduan, semua pelajar UniMAP hendaklah memahami sikap toleransi, kompromi serta saling hormat-menghormati. 3 teras ini adalah kunci utama untuk menjadi juara perpaduan. Jika kita ingin dikagumi masyarakat, usaha pertama yang perlu kita lakukan adalah untuk memastikan perpaduan antara semua kakitangan dan juga pelajar terjalin dengan baik. Apabila kita bersatu, barulah kita mampu untuk menempa pelbagai kejayaan di masa yang mendatang.

9. Saya berharap agar para pelajar tidak mudah terpengaruh dengan anasir-anasir luar yang bertujuan untuk memporak perandakan perpaduan yang kita kecapai selama ini. Saya ingin pelajar berfikiran lebih terbuka di luar bingkai pemikiran biasa, tidak hanya berfikir di dalam kotak sahaja. Pelajar haruslah bijak menilai dan menghurai segala masalah yang timbul hari ini secara matang dan terbuka agar pelajar tidak senang dijadikan boneka oleh pihak-pihak tertentu demi mencapai tujuan peribadi mereka.
  
10. Walaupun kita berada dalam suasana kampus yang terletak bertaburan di seluruh negeri Perlis, janganlah menjadikan ia sebagai alasan yang akan merenggangkan hubungan antara kita. Jadikanlah program seperti senamrobik ini sebagai medium untuk mengumpulkan semua warga UniMAP disamping dapat mengeratkan hubungan di antara staf.

### **PENUTUP**

11. Rasanya cukuplah sampai disini saja ucapan saya untuk pagi ini. Akhir kata, saya berharap kepada semua warga UniMAP sentiasa bersatu hati dalam apa jua perkara yang dialkukan, sekiranya kita semua bersatu hati, tiada apa yang mustahil bagi kita untuk mencapai apa jua yang kita idami bersama.
  
12. Sebelum mengakhiri ucapan izinkan saya membacakan serangkap pantun:-

***Kembang Sungguh Bunga Melati  
Dipetik Oleh Dara Jelita  
Tekadkan Semangat Bersatu Hati  
Moga Makmur Negara Kita***

Sekian, saya sudah dengan Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.